

## BOOK REVIEW

### ***Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia***

OOI Keat Gin (ed).

Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. pp. 1–258.

Reviewed by Badriyah Haji Salleh

*badriyah\_salleh@yahoo.com.my*

Buku yang mengandungi sembilan buah penulisan hasil penyelidikan terhadap isu warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu sejarah, sosiobudaya dan ekonomi. Abdul Rahman Haji Ismail memulakan perbincangan dengan memberikan beberapa ciri warisan yang ditinggalkan di kawasan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia yang meliputi negeri Kedah dan termasuk juga Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara. Esei pembukaan tersebut secara umumnya merupakan penentu hala tuju bagi pembaca tentang warisan yang dibincangkan dalam bab-bab seterusnya. Antara isi kandungan yang dibahaskan adalah tentang warisan politik dan sosiobudaya semenjak awal Masihi yang saling mempengaruhi antara kerajaan Kedah Tua, kawasan-kawasan lain dalam Wilayah Utara Semenanjung Malaysia dan kuasa-kuasa asing sama ada melalui perdagangan mahupun pemerintahan atau kedua-duanya sekali sehingga pada zaman selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Hal ini menjelaskan perihal rupa bangsa dan jatidiri Melayu serta proses kemelayuan yang dialami oleh masyarakat pendatang dan juga perubahan-perubahan yang berlaku kesan daripada pertembungan tersebut. Keadaan tersebut melibatkan perubahan dalam sistem pentadbiran, ekonomi dan pembudayaan yang telah mewujudkan masyarakat pelbagai kaum dan mencetuskan kesedaran politik dalam kalangan masyarakat tempatan.

Rentetan daripada esei "hala tuju" tersebut, wajarlah Nik Haslinda Nik Hussain menjelaskan tentang warisan yang terawal diketahui melalui sumber-sumber arkeologi yang ditemui di kawasan Lembah Bujang (di Kedah) dan Seberang Perai (Pulau Pinang). Penemuan tersebut menunjukkan bahawa kawasan-kawasan yang berkenaan mempunyai kerajaan yang diperintah raja dengan dibantu oleh masyarakat yang berhierarki. Artifak-artifak yang ditemui berumur kira-kira 2,000 sehingga 700 tahun yang lalu menunjukkan kewujudan kerajaan-kerajaan tersebut serta bekas-bekas pelabuhan yang melibatkan perdagangan antarabangsa. Beberapa penemuan juga dapat membantu pengkaji-pengkaji arkeologi dan sejarah untuk membuat kesimpulan tentang wujudnya pengaruh Hindu-Buddha yang mendahului pengaruh Islam.

Buku tersebut juga lebih banyak membincangkan tentang warisan yang ditinggalkan Kedah dan Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, Mahani Musa

yang mengkaji tentang Undang-undang Kedah telah membuat kesimpulan berkenaan negeri tersebut yang diperintah oleh sultan dan telah melalui zaman-zaman dipengaruhi dan dikuasai oleh kuasa-kuasa asing namun masih berupaya mempertahankan identiti kenegaraannya. Kejayaan tersebut adalah disebabkan oleh kebijaksanaan sultan-sultan yang kerap mengamalkan dasar suai-faedah bagi mengelakkan daripada dikuasai secara mutlak oleh kuasa-kuasa asing tadi. Pengekalan kedudukan sultan diperkuuhkan dengan adat-adat perundangan yang dimasukkan dalam perlembagaan Undang-undang Kedah dan diamalkan dalam adat istiadat rasmi yang mengaitkan sultan dengan hal-hal yang bersangkutan dengan baginda, termasuklah dalam adat pertabalan, perhubungan dengan luar negara, perihal rakyat dan isu-isu harta benda serta undang-undang yang memberikan kuasa kepada sultan untuk melaksanakan hukum hakam. Peraturan-peraturan dan adat istiadat kesultanan inilah yang diwarisi sehingga kini dan seterusnya dapat mempertahankan kedaulatan sultan.

Selain daripada warisan tradisional seperti yang dihuraikan sebelum ini, pentadbiran British juga telah meninggalkan warisan yang berterusan sehingga kini, khususnya dari segi pentadbiran dan struktur kemasyarakatan. Ooi Keat Gin telah menggunakan Pulau Pinang sebagai contoh untuk membuktikan ciri-ciri warisan tersebut. Semenjak Pulau Pinang diambil oleh British, George Town (asalnya bernama Tanjung Penegeri) telah dijadikan sebagai sebuah entrepot, iaitu sebuah pelabuhan yang mengimport barang-barang perdagangan dan mengeksport semula ke kawasan-kawasan lain. British mengamalkan sistem perdagangan bebas serta berjaya menarik puluhan kapal dan ribuan pedagang dari Timur dan Barat ke pulau tersebut. Sebahagian daripada pedagang tersebut mula bermastautin dan ada dalam kalangan mereka yang berkahwin dengan penduduk tempatan lantas kemudiannya mewujudkan masyarakat baru, seperti Jawi Peranakan dan Cina Peranakan. Kelompok yang lain pula terus berkumpul dalam kalangan kaum masing-masing dan keadaan in secara keseluruhannya telah mewujudkan masyarakat pelbagai kaum. Kepelbagaian ini diperkuuhkan lagi dengan pengamalan sistem pendidikan dan pentadbiran yang berasingan. Justeru, walaupun George Town menjadi sebuah bandar pelabuhan kosmopolitan yang berharmoni, ciri-ciri perkauman tersebut masih berterusan.

Dari segi budaya, Hajar Abdul Rahim telah membahaskan bahawa masyarakat Jawi Pekan atau Jawi Peranakan yang tinggal di kawasan George Town atau Tanjong telah mewariskan sejenis bahasa hibrid kesan daripada pertembungan bahasa Melayu tempatan dengan bahasa Tamil, iaitu bahasa orang-orang India Islam dari selatan India yang bermastautin di kawasan tersebut. Hajar menamakan bahasa tersebut sebagai bahasa Tanjong yang eksklusif kerana hasil daripada pengamatan beliau, bahasa tersebut adalah berbeza daripada loghat bahasa Melayu lain yang dituturkan oleh masyarakat dari kawasan lain di dalam maupun di luar Pulau Pinang. Bahasa Tanjong mengandungi istilah-istilah

Tamil yang masih kekal maknanya ataupun yang sudah diubahsuai pengertiannya mengikut penggunaan tempatan. Rimanya juga eksklusif dan berbeza daripada pengucapan dalam bahasa Melayu yang tetap menjadi bahasa induknya. Bahasa Tanjong juga mula terhakis keasliannya setelah bertembung dengan budaya-budaya baru dan semakin disinonimkan sebagai bahasa orang Pulau Pinang. Walaupun demikian, bahasa ini sedikit sebanyak telah diserap ke dalam bahasa Melayu.

Bahasa Tanjong terus popular di kawasan lain dalam Malaysia melalui persembahan teater yang bernama boria. Shakila Abdul Manan menyimpulkan bahawa boria yang menjadi warisan Pulau Pinang mungkin berasal sama ada dari Parsi atau India, ataupun kedua-duanya sekali, kerana persembahan tersebut dimulakan oleh Regimen Madras ke-21 pada 1845 di negeri tersebut dan juga menjadi salah sebuah persembahan untuk mengingati kematian Sayyidina Hussain, putera Sayyidina Ali yang dibunuh pada 10 Muharam di Karbala. Walaupun boria diamalkan oleh golongan Syiah, namun lama-kelamaan persembahan tersebut turut mempengaruhi golongan Sunni dan masyarakat Melayu. Tema persembahan yang diketuai oleh seorang tukang karang dan disambut sekumpulan koir dalam nyanyian mengikut gaya kalipso Hindia Barat tersebut, mula berubah daripada yang berunsurkan keagamaan kepada tema-tema masyarakat. Persembahan-persembahan tersebut kerap dibiayai individu-individu yang kaya dan berpengaruh. Terdapat juga kumpulan-kumpulan boria tersebut yang menjadi ahli kongsi gelap dan menerusi persembahan-persembahan tersebut, mereka mengkritik antara satu sama lain yang kemudiannya membawa kepada pergaduhan. Justeru, persembahan boria mula diawasi oleh pihak-pihak berkuasa dan dibenarkan untuk dilakukan di tempat-tempat tertutup sahaja. Selepas kemerdekaan, boria digunakan untuk menghebahkan tentang perpaduan dan pembangunan negara. Setelah itu, hilanglah ciri-ciri rakyatnya dalam boria.

Sebahagian daripada warisan budaya Wilayah Utara Semenanjung Malaysia adalah sistem pendidikan tradisionalnya, iaitu institusi pondok. Mohd. Farid Mohd. Sharif dan Jasni Sulong menghujahkan bahawa Kedah merupakan negeri terawal di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia yang memperkenalkan sistem ini. Institusi pondok berpaksikan kepada ulama atau tuan-tuan guru yang kebanyakannya daripada mereka merupakan lulusan dari institusi yang sama di Timur Tengah ataupun di negeri-negeri jiran, seperti Kelantan dan Patani. Institusi pengajian Islam tersebut dibina di atas tanah kepunyaan guru ataupun yang disedekahkan oleh masyarakat untuk tujuan yang sama. Kitab-kitab yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah "kitab-kitab kuning", iaitu kitab yang ditulis tangan dalam bahasa Arab, ataupun terjemahan kitab-kitab al-Azhar dalam bahasa Melayu. Institusi pondok dimulakan di Kedah pada kurun ke-19 oleh Shaikhul Islam Wan Sulaiman Wan Sidek pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid yang kemudiannya berkembang ke Province Wellesley dan

Bukit Mertajam. Seperti juga institusi-institusi pendidikan yang lain, cara pengajaran dan pembelajaran serta pentadbiran sistem pendidikan tradisional ini kemudiannya berkembang dan berubah menjadi sistem "madrasah", iaitu sistem pendidikan moden.

Dalam bidang ekonomi pula, Nooriah Yusof membahaskan bahawa Pulau Pinang yang pada awalnya merupakan sebuah entrepot telah menjadi sebuah negeri perindustrian yang maju khususnya selepas pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1970-an. Keadaan ini telah mengubah wajah fizikal negeri tersebut dari segi ruang dan struktur ekonominya. Pewujudan estet-estet perindustrian di kawasan-kawasan perkampungan, seperti di Bayan Lepas, Seberang Perai, Bukit Minyak, Bukit Tengah dan Mak Mandin, membandarkan kawasan-kawasan tersebut. Peningkatan jumlah penduduk yang mendadak, kebanyakannya datang dari luar negeri, telah mengubah warisan kependudukan yang terdahulu. Industri-industri dalam zon bebas yang diperkenalkan kerajaan dibiayai oleh syarikat-syarikat multi nasional bagi mengeluarkan alat-alat elektrik dan elektronik yang diselaraskan dengan kehendak global dan antarabangsa untuk dieksport. Kejayaan perkembangan ekonomi tersebut telah digalakkan lagi dengan adanya infrastruktur yang baik dan pemberian insentif-insentif yang memuaskan daripada kerajaan. Sehingga kini, negeri Pulau Pinang masih merupakan salah sebuah negeri termaju di Malaysia lantaran perkembangan sektor perindustrian dan perkhidmatannya.

Dalam bidang ekonomi tradisional, khususnya pertanian padi, Jabil Mapjabil telah menghuraikan peranan Kedah sebagai negeri "jelapang padi". Bukti-bukti sejarah menunjukkan bahawa pertanian padi telah menjadi aktiviti utama negeri tersebut semenjak kurun ke-16. Tumbuhan tersebut ditanam di kawasan yang luas meliputi Bruas di utara Perak sehingga ke Trang yang terletak di Siam. Pelbagai galakan telah diperkenalkan oleh sultan supaya rakyatnya memperbanyakkan tanaman tersebut. Undang-undang Kedah telah memperuntukkan peraturan-peraturan berkenaan penggunaan tanah pertanian, penternakan dan sistem hak milik. Kegiatan pertanian padi menjadi lebih pesat dengan terbinanya Terusan Mat Saman pada akhir kurun ke-19. Pertanian padi yang menjadi aktiviti pertanian utama orang Melayu sebenarnya dimonopoli oleh sultan dan golongan bangsawan. Namun begitu, perkembangan ekonomi berasaskan padi mula ditangani oleh pemodal-pemodal Cina setelah Sultan memberikan kuasa pajakan cukai kepada mereka. Pelbagai cara telah diusahakan untuk menambahkan pengeluaran padi, namun Kedah masih terus mengimpor beras. Keadaan tersebut berterusan walaupun selepas kemerdekaan, dan Lembaga Penanam-Penanam Padi dan Rancangan Pengairan Muda ditubuhkan. Keluasan tanah padi sememangnya meningkat dan penanaman juga dijalankan dua kali setahun, namun usaha tersebut masih tidak dapat mengatasi giatnya perkembangan dan kemajuan dalam pertanian getah.

Secara keseluruhannya, buku tersebut sangat sesuai untuk dijadikan rujukan terutama sekali berkenaan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia secara umum mahupun secara khusus oleh para pembaca.